

06 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Penggiliran)

SISTEM PENGGILIRAN KETUA MENTERI UNTUK SABAH SAHAJA, KATA DR M

KOTA KINABALU, 6 Mac (Bernama) -- Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah tidak akan dilaksanakan di negeri-negeri lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, sistem penggiliran jawatan itu di kalangan pemimpin pelbagai masyarakat tidak akan diperkenalkan di setiap negeri seperti di Sabah kerana "sistem di Sabah dirancang untuk Sabah (sahaja)".

Di bawah sistem itu yang diperkenalkan semasa Barisan Nasional (BN) mula memerintah Sabah pada 1994, jawatan Ketua Menteri itu digilirkan di kalangan pemimpin-pemimpin tiga kaum utama, Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera Bukan Islam.

Perdana Menteri memberitahu persidangan berita di sini, seperti di Pulau Pinang walaupun Umno mempunyai majoriti di Dewan Undangan Negeri berbanding parti-parti komponen BN lain ia tidak memegang jawatan Ketua Menteri dan sistem itu dirumuskan untuk Pulau Pinang sahaja.

" Bagi seluruh negara...walau apa pun, perlembagaan tidak menghalang bukan Melayu daripada menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Dr Mahathir berkata, oleh kerana keutuhan Umno dan majoriti padanya, maka tidak perlu sistem penggiliran jawatan dalam Kerajaan Pusat.

" Di samping itu, Kerajaan Pusat tidak perlukan penggiliran, kita perlukan kesinambungan. Kerajaan Negeri boleh kerana kesinambungan di peringkat Persekutuan," kata beliau.

Perdana Menteri mengulas demikian apabila ditanya oleh seorang pemberita akan rasa tidak puas hati di kalangan "kebanyakan anggota Umno" di Sabah mengenai sistem penggiliran itu.

BN Sabah menguasai 43 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dibubarkan pada 22 Feb untuk membuka laluan bagi pilihan raya negeri pada 12-13 Mac.

Daripada jumlah itu, Umno mempunyai 21 kerusi, Parti Demokratik Sabah (PDS) 11, Parti Maju Sabah (SAPP) (5), Akar (3), Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) (2) dan MCA (1). Empat lagi di wakili oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) dan seorang calon bebas.

" Sentiasa ada rasa tidak puas hati tetapi Umno parti yang praktikal, kita juga boleh tidak berpuas hati dengan Ketua Menteri Cina di Pulau Pinang tetapi kita melihatnya secara keseluruhan bagi seluruh negara."

" Jadi ada tempatnya kita perlu lakukan perkara tertentu, lain tempat lain perkaranya tetapi kita dalam Umno, pemimpin-pemimpin Umno puas hati.

Perdana Menteri berkata, sistem penggiliran di Sabah boleh diteruskan walaupun majoriti penduduk di sini ialah Melayu-Islam

-- BERNAMA

AU JS PR